

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (55)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 12 TAHUN 2024

PENAIKTARAFAN SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB) KEPADA SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU VERSI 4.0 (SMKBv4.0)

Pejabat Bendahari

9 Ogos 2024

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (55)

9 Ogos 2024

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 12/2024

PENAIKTARAFAN SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB) KEPADA SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU VERSI 4.0 (SMKBv4.0)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk menarik perhatian semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung penaiktarafan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) kepada Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Versi 4.0 (SMKBv4.0).
- 1.2 Tujuan Surat Pekeliling Kewangan ini juga adalah untuk memberi makluman dan panduan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) berhubung tindakan yang perlu diberi perhatian sepanjang tempoh transisi sistem sedia ada kepada SMKBv4.0.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mendepani tuntutan semasa dan jangkauan keperluan masa hadapan, UTeM perlu bersaing dalam persekitaran untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap dan sentiasa terkini. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan terhadap prosedur kewangan termasuk proses melibatkan sistem kewangan dalam memenuhi keperluan pengurusan kewangan yang lebih sistematik perlu dilaksanakan dengan berkesan.


- 2.2 Sejak dunia dilanda Pandemik COVID-19, telah berlaku perubahan yang drastik dari segi pendekatan pelaksanaan aktiviti secara atas talian yang mana kemudahan ICT dan teknologi telah dimanfaatkan sepenuhnya seperti aktiviti pengajaran secara dalam talian menggunakan medium *video conferencing*, pelaksanaan aktiviti kewangan secara atas talian dan lain-lain.
- 2.3 Pejabat Bendahari sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan kewangan yang ditawarkan khususnya penambahbaikan dalam aspek sistem aplikasi kewangan.
- 2.4 Walau bagaimanapun, kaedah pelaksanaan dan prosedur kerja kewangan yang dikuat kuasakan dan dilaksanakan ketika ini masih menggunakan atau mengekalkan dokumen fizikal dan bukan secara digital sepenuhnya.
- 2.5 Selaras dengan Piagam Pelanggan Pejabat Bendahari dalam memastikan Pejabat Bendahari sentiasa peka dan responsif kepada kehendak dan keperluan pelanggan, Pejabat Bendahari dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Digital (CDO) telah menambahbaik dan menaiktaraf Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) kepada Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Versi 4.0 (SMKBv4.0).

3.0 MAKLUMAT SISTEM KEWANGAN SEMASA UTeM

- 3.1 Sistem aplikasi kewangan UTeM bermula dengan penggunaan Perisian Perakaunan UBS mulai tahun 2001 hingga 2003. Seterusnya sistem aplikasi kewangan telah dibangunkan secara *outsource* melibatkan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB).
- 3.2 Pelaksanaan secara menyeluruh SMKB yang dibangunkan secara dalaman oleh pihak Pusat Pengetahuan Dan Perkhidmatan Kewangan (PPPK), Pejabat Ketua Pegawai Digital (CDO) adalah mulai tahun 2009 sehingga kini.

- 3.3 Sistem Maklumat Universiti yang utama terdiri daripada beberapa sistem sokongan utama seperti pada **Rajah 1** berikut:

Rajah 1: Sistem Maklumat Universiti (SMU)



- 3.4 UTeM telah berjaya mendapat kelulusan dan pengiktirafan pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)* bagi Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Bil. 4/2018 pada 29 November 2018.
- 3.5 Pembangunan sistem penyampaian perkhidmatan kewangan secara digital yang bersepadu dan inovatif sejajar dengan kemunculan teknologi baharu telah mendorong agar sistem kewangan UTeM turut berkembang ke arah pendigitalan selaras dengan kemajuan teknologi bagi keperluan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.
- 3.6 Selaras dengan keperluan tersebut, tindakan penambahbaikan kepada SMKB sedia ada (*Re-Engineering SMKB*) telah giat dilaksanakan hingga kini. Proses *Re-Engineering SMKB* atau penaiktarafan SMKB ini adalah termasuk penyediaan *User Requirements Specification (URS)*, perbincangan berkala bersama pembangun sistem (PPP) dan pembangunan serta pengujian sistem yang dibuat menggunakan kepakaran dalaman (*in-house*).

4.0 PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU VERSI 4.0 (SMKBv4.0)

4.1 SMKBv4.0 ini akan mula diguna pakai sepenuhnya oleh semua warga UTeM secara langsung (*Go-Live*) mulai **2 September 2024 (Isnin)**. Sehubungan dengan itu, pihak Pejabat Bendahari dan Pejabat CDO telah merangka pelan pelaksanaan SMKBv4.0 yang diperincikan dalam Surat Pekeliling Kewangan ini.

4.2 Butiran perancangan dan tindakan pelaksanaan yang perlu diberi perhatian oleh semua warga UTeM berhubung proses transisi kepada SMKBv4.0 ini adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1 : Perancangan dan Tindakan Pelaksanaan

Bil.	Tarikh Tindakan	Bil. Hari	Butiran Pelaksanaan
1.	13 Ogos 2024 hingga 14 Ogos 2024	2 hari	Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 kepada Pentadbir di semua PTj
2.	15 Ogos 2024 hingga 16 Ogos 2024	2 hari	Bengkel Ujilari & Pengujian Akhir Integrasi keseluruhan Modul SMKBv4.0 oleh Pasukan Pejabat Bendahari dan Pasukan Pejabat CDO
3.	16 Ogos 2024 hingga 19 Ogos 2024	4 hari	Semua penggunaan SMKB (Portal & Client) sedia ada akan dihentikan/ dibekukan sementara waktu untuk proses migrasi dan <i>conversion data</i> ke SMKBv4.0 oleh Pasukan Pejabat CDO
4.	19 Ogos 2024 hingga 21 Ogos 2024	3 hari	Sesi Latihan Pengguna SMKBv4.0 kepada Kumpulan Sasar oleh Pasukan Pejabat CDO bersama Pasukan Pejabat Bendahari
5.	20 Ogos 2024 hingga 1 September 2024	13 hari	Penggunaan SMKBv4.0 bermula (diaktifkan) secara Mod Ujilari
			Fasa Ujilari/Pengujian oleh Pengguna SMKBv4.0. Sebarang isu/masalah/bantuan/sokongan boleh dirujuk kepada <i>HelpDesk</i> dan Pasukan Pejabat Bendahari & CDO
6.	2 September 2024	-	Penggunaan SMKBv4.0 sepenuhnya secara langsung & rasmi (SMKBv4.0 Go-Live)

- 4.3 Ketua PTj adalah dimohon memastikan wakil-wakil Pentadbir yang dinamakan untuk menghadiri Sesi Latihan Pengguna mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada 13 Ogos 2024 hingga 14 Ogos 2024 seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling ini.
- 4.4 Mohon perhatian akan semua **aplikasi kewangan atau modul SMKB yang berada di dalam Portal MyUTeM turut akan dihentikan sementara mulai 16 Ogos 2024 hingga 19 Ogos 2024** bagi melaksanakan kerja-kerja teknikal seperti *data conversion*, *system tuning* dan sebagainya yang berkaitan dengan pelaksanaan SMKBv4.0.
- 4.5 Penggunaan SMKBv4.0 akan bermula (diaktifkan) secara Mod Ujilari sebagai fasa Ujilari/Pengujian oleh Pengguna SMKBv4.0. Sebarang isu atau masalah yang dihadapi oleh Pengguna SMKBv4.0 sepanjang fasa Ujilari/Pengujian boleh dirujuk kepada **HelpDesk SMKBv4.0 di talian 06-270 1272** atau mendapatkan **bantuan/sokongan terus daripada Pasukan Pejabat Bendahari dan Pasukan Pejabat CDO**.
- 4.6 Untuk makluman, pelaksanaan penaiktarafan SMKB ini melibatkan semua proses kewangan iaitu semua akses kepada Modul SMKB sama ada secara *web based* atau *client* seperti berikut:
- 4.6.1 Modul Bajet
 - 4.6.2 Modul Pembelian
 - 4.6.3 Modul Pembayaran
 - 4.6.4 Modul Pendaftaran Syarikat
 - 4.6.5 Modul Pinjaman (Pembiayaan)
 - 4.6.6 Modul Pendahuluan Dan Tuntutan
 - 4.6.7 Modul Pengurusan Stor
 - 4.6.8 Modul Pentadbir Sistem
 - 4.6.9 Modul Penerimaan
 - 4.6.10 Modul Jurnal
 - 4.6.11 Modul Penyesuaian Bank
 - 4.6.12 Modul Gaji
 - 4.6.13 Modul Penutupan Akaun

- 4.6.14 Modul Panjar Wang Runcit
- 4.6.15 Modul Simpanan Tetap
- 4.6.16 Modul Akaun Penghutang
- 4.6.17 Modul Data Berpusat
- 4.6.18 Modul Keselamatan/Kawalan Pengguna
- 4.6.19 Modul Deposit
- 4.6.20 Modul Tuntutan Kerja Lebih Masa
- 4.6.21 Modul GRN/SRN
- 4.6.22 Modul Penilaian Syarikat
- 4.6.23 Modul *Slip Online*
- 4.6.24 Modul e-Pembayaran
- 4.6.25 Semua Modul dan Sub-Modul SMKB

4.7 **Sehubungan dengan itu semua penggunaan aplikasi kewangan di SMKB sama ada di Portal UTeM atau *Client* hendaklah dibuat atau diselesaikan selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2024.**

5.0 CIRI-CIRI PENAIKTARAFAN SMKB SEDIA ADA KEPADA SMKBv4.0

5.1 Ciri-ciri penting SMKBv4.0 berbanding sistem sedia ada adalah seperti berikut:

5.1.1 Keperluan responsif terhadap **aduan pelanggan**:

- a) Penekanan aspek *paperless* (penggunaan dokumen sokongan secara digital).
- b) Paparan antara muka SMKBv4.0 yang lebih mesra pengguna.

5.1.2 SMKBv4.0 dibangunkan sepenuhnya berasaskan web (***web based***).

5.1.3 Semua proses kewangan dibuat atas talian dan secara ***real-time***.

5.1.4 Tambahan ciri-ciri baru pada SMKBv4.0 seperti berikut:

- a) Paparan ringkasan maklumat secara visual (***dashboard***).

- b) Komunikasi berkesan melalui **notifikasi** emel dan aplikasi telefon pintar.
- c) Tambahan ciri-ciri teknologi **keselamatan data** yang lebih terkini.

5.2 Secara ringkasnya, antara perbandingan teknikal SMKB sedia ada dengan SMKBv4.0 adalah seperti dinyatakan pada **Jadual 2** di bawah:

Jadual 2: Perbandingan Teknikal Sistem Sedia ada Dengan SMKBv4.0

BIL	CIRI-CIRI	SMKB SEDIA ADA	SMKBv4.0
1.	Nama Sistem dan Versi	Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB)	Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB Versi 4.0)
2.	Kapasiti Storan	500GB	3.5TB
3.	Platform	Windows	Windows
4.	Software (Database/Aplikasi)	Microsoft SQLServer, Microsoft Visual Basic, ASP.net	Microsoft SQLServer, Microsoft Visual Basic, ASP.net
5.	Capaian Sistem	Client & Web based	Web based
6.	Hosting (In Premis/Cloud)	In Premis	In Premis

5.3 Fokus utama pelaksanaan SMKBv4.0 ini adalah seperti berikut:

Rajah 2: Fokus utama SMKBv4.0



6.0 TANGGUNGJAWAB KETUA PTJ

- 6.1 Ketua PTj bertanggungjawab memastikan PTj masing-masing atau pegawai bertanggungjawab **memberi perhatian** kepada perkara-perkara yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Kewangan ini.
- 6.2 Ketua PTj juga dinasihatkan agar membuat **perancangan perbelanjaan dan pembayaran berkaitan program PTj yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat** seperti persidangan, bengkel, program-program PTj dan pelajar serta sebagainya perlu mengambil kira tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan ini.

Kerjasama dan perhatian semua warga UTeM mengenai perkara ini sangat diharapkan dalam memastikan pelaksanaan sepenuhnya **SMKBv4.0 (Go-Live) mulai 2 September 2024** akan berjalan lancar seperti yang dirancang.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



13-14
OGOS

Sesi Latihan Pengguna
kepada pentadbir PTj

Bengkel Ujilari & Pengujian
Akhir Integrasi keseluruhan
Modul oleh Pej. Bendahari dan
Pasukan Pej. CDO

15-16
OGOS

16-19
OGOS

Semua pengguna SMKB (Portal & Client)
sedia ada akan **diberhentikan/dibekukan
sementara waktu** untuk proses migrasi
dan *conversion data* ke SMKBv4.0 oleh
Pasukan CDO

Sesi Latihan Pengguna
SMKBv4.0 kepada Kumpulan
Sasar

19-21
OGOS

20 OGOS -
1 SEPTEMBER

a) Penggunaan SMKBv4.0 diaktifkan secara
Mod Ujilari
b) sebarang isu/masalah/bantuan/sokongan
boleh dirujuk kepada **HelpDesk** dan Pasukan
Pejabat Bendahari & CDO

Penggunaan SMKBv4.0
sepenuhnya secara langsung &
rasmi (**SMKBv4.0 Go-Live**)

2 SEPTEMBER

Sebarang isu/masalah yang dihadapi atau memerlukan bantuan/sokongan melibatkan SMKBv4.0, salurkan kepada:

- HelpDesk SMKBv4.0 : 06-270 1272
 - Pasukan Pejabat Bendahari : 06 – 270 2021/2031/1018
- emel : pejabatbendahari@utem.edu.my